



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER  
25 APRIL 2019**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyertai tender berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)	Tarikh, Masa & Tempat Lawatan Tapak
T/SUKNS/ BIL.2/2019	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api Bagi Bangunan Kawasan Zon A, Zon B Dan Zon C Di Bawah Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  Peringatan: Kehadiran Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Sebarang rayuan tidak akan diterima.	220801	RM50.00 setiap satu borang	<b>2/5/2019 (Khamis)</b>  <b>9.30 pagi</b>  <b>Bilik Kenanga, Tingkat 1, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.</b>

Dokumen tender boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **2-15 Mei 2019** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan menunjukkan **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam kod bidang seperti di atas dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender. Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00** tengah hari **15 Mei 2019**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh dan masa ditetapkan tidak layak memasuki tawaran tender.